

Bachelor Kejuruteraan Mekanikal

Pengenalan

Program Bachelor Kejuruteraan Mekanikal merupakan program 4 tahun, dimana para pelajar dikehendaki menamatkan 126 kredit pembelajaran sebelum bergraduat. Pelajar juga dikehendaki menjalani Latihan Industri selama minimum 10 minggu semasa cuti semester pada Semester Kedua, Tahun 3. Kandungan dan struktur kurikulum bagi program ini telah direkabentuk selaras dengan keperluan pihak berkepentingan serta objektif dan hasil pembelajaran program yang telah ditetapkan. Objektif utama penawaran program ini ialah untuk mengeluarkan graduan jurutera terlatih dalam bidang kejuruteraan mekanikal dengan pengetahuan tambahan dalam bidang kejuruteraan pembuatan.

Jurutera mekanikal bertanggungjawab dalam reka bentuk mekanikal, teknologi pembakaran dan bahan bakar, pemindahan haba, pemilihan bahan, pemprosesan pembuatan, kawalan automatik, keselamatan produk dan kesan teknologi terhadap masyarakat. Jurutera mekanikal juga harus memastikan reka bentuk sesuatu alat dibuat dengan cekap, berkesan, boleh harap dan ekonomik. Di samping itu, mereka mengilhamkan, merancang, mereka bentuk dan mengarah pembuatan, pengagihan dan operasi pelbagai jenis peranti, mesin dan sistem untuk pemprosesan bahan, pengangkutan, penyelenggaraan dan tujuan-tujuan lain.

Peluang Kerjaya

Peluang pekerjaan bagi graduan Kejuruteraan (Mekanikal) adalah luas dan majikan-majikan merangkumi dari syarikat kecil dan sederhana kepada organisasi, multinasional dan jabatan-jabatan kerajaan. Industri mekanikal menyediakan pekerjaan-pekerjaan dalam bidang reka bentuk, penyelidikan dan pembangunan, pembuatan, pengurusan, pemasaran, penyelenggaraan, jualan dan perkhidmatan teknikal. Rekod terdahulu menunjukkan bahawa para graduan dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan sering mendapat pekerjaan yang relevan.

Syarat Kemasukan

Bachelor Kejuruteraan Mekanikal (PK08) 8 Semester		
Memenuhi Syarat Am Universiti dan Keperluan Khas Program		
a) Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.80		
b) Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 dalam Malaysian University English Test (MUET) ATAU Kredit dalam pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat SPM		
c) Dan		
Pemegang STPM	Pemegang Matrikulasi KPM/Asasi Sains UM/Asasi UiTM/Asasi Sains Pertanian UPM	Pemegang Diploma / Setaraf

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) dalam <ul style="list-style-type: none"> • Matematik Tambahan; DAN • Fizik 	Mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) dalam <ul style="list-style-type: none"> • Matematik / Matematik Kejuruteraan; DAN • Fizik/Fizik Kejuruteraan/Kimia/Kejuruteraan Kimia/Sains Kejuruteraan/Kejuruteraan Mekanikal 	Memiliki Diploma dalam bidang yang sesuai dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.80 atau kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat UPM
---	---	---

Kurikulum (2016 – 2020):

Kursus yang ditawarkan dibahagi kepada tiga kategori, iaitu Kursus Umum, Kursus Teras dan Kursus Elektif:

Komponen Kurikulum	Keperluan EAC (jumlah jam kredit minimum)	Kurikulum Bachelo Kejuruteraan Mekanikal	Peratus
Kursus Umum	Tiada nilai minimum ditetapkan	41	33%
Kursus Teras	80	76	60%
Kursus Elektif		9	7%
Jumlah Keseluruhan	120	126	100%

Jumlah Jam kredit bergraduat: 126

Tempoh Pengajian: 8 semester (4 tahun)

Yuran Pengajian:

Kod	Program	Purata Kos Seorang Pelajar Setahun	Yuran Pengajian Semester Pertama*	Subsidi Kerajaan Kepada Pelajar Setahun
64	Bachelor Kejuruteraan Mekanikal	RM24,921.00	RM2,643.00	RM20,491.00

*Kadar Yuran Pelajar Baharu dalam Negara pada Sesi 2016/2017-1 (Tertakluk kepada perubahan)

Pegawai untuk dihubungi:

Prof. Madya Dr. Wan Zuha bin Wan Hasan

B.E.(UPM), M.Sc.(UPM), Ph. D (UKM), SMIEEE

Timbalan Dekan (Prasiswazah)

Telefon: 603-89464365

Emel: wanzuha@upm.edu.my

Profesor Madya Ir. Dr Nawal Aswan b. Abdul Jalil

Dip. (Kolej MARA), B.Eng., Ph.D. (Southampton)

BEM, MySET

Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

Telefon : 03-89464422/6336

E-mel: nawalaswan@upm.edu.my

En. Jamali bin Janib

Penolong Pendaftar Kanan (Akademik, Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni)

Telefon: 603-8946 6275

Emel: jamali@upm.edu.my

Alamat:

Bahagian Pengajian Prasiswazah

Fakulti Kejuruteraan

Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang

SELANGOR, MALAYSIA

Telefon: +603-8946 6272 / 6273

Faks: +603-86567124

Emel: eng.tdps@upm.edu.my

Website: www.eng.upm.edu.my

Tarikh Kemas kini: 10 April, 2017